

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Hospital Queen Elizabeth II jadi Pusat Jantung Negara Sabah

Kerajaan peruntuk RM80j naik taraf kemudahan, tambah pakar

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Sabah akan menjadi negeri kedua memiliki kemudahan rawatan pakar jantung di negara ini apabila Hospital Queen Elizabeth II (HQE II) di sini bakal dijenamakan semula sebagai Pusat Jantung Negara Sabah.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap di hadapan kira-kira 33,000 hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024 Peringkat Kebangsaan, di sini, semalam.

+ Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM80 juta untuk menaik taraf HQE II menjadi hospital pakar jantung yang akan menjadi kemudahan rawatan pakar jantung kedua negara selepas Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur.

"Kita akan tambah tiga orang pakar dan 120 tenaga sokongan terlatih membabitkan peruntukan RM80 juta.

"Kerja awal untuk menaik taraf Hospital Queen Elizabeth II sebagai Pusat Jantung Negara



Anwar bersama sebahagian ahli Majlis Pimpinan Negeri PKR Sabah dan Ketua Cabang PKR negeri selepas perjumpaan khas di Kota Kinabalu, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sabah yang membabitkan usaha menaik taraf ruang sedia ada dan infrastruktur akan bermula tahun ini," katanya.

Difahamkan, tiga pakar dan 120 tenaga sokongan terlatih yang diumumkan Anwar itu bagi menambah kekuatan tiga doktor pakar dan 120 jururawat terlatih sedia ada di HQE II.

Perdana Menteri berkata, kemudahan baharu itu bagi menambah baik perkhidmatan kardiologi dan kardioterasik dewasa serta kanak-kanak sedia ada di HQE II yang dilengkapi 107 katil pesakit, selain klinik pakar, makmal kateterisasi invasif dan bukan invasif, serta dewan bedah kardiotorasik.

"Saya dimaklumkan perkhidmatan kardiologi Hospital Queen Elizabeth II kini mempunyai tiga pakar dan 120 jururawat terlatih,

tetapi ini tidak cukup untuk rakyat Sabah... jadi kita tambah lagi tiga pakar dan tenaga sokongan terlatih.

"Langkah itu antara usaha kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan di Sabah dan Sarawak," katanya.

Mengenai Sarawak pula, Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju menubuhkan sebuah pusat kanser negara di negeri itu bagi meningkatkan rawatan yang membabitkan pesakit kanser.

Nokta isu miskin tegar

Terdahulu, Perdana Menteri ketika ditemui media selepas mengadakan perjumpaan khas bersama Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR Sabah berkata, menekankan kemiskinan tegar serba isu kewarganegaraan di Sabah

antara inti pati utama dibincangkan.

Mengakui meskipun masalah kemiskinan di Sabah agak parah, beliau yakin ia dapat diselesaikan menerusi kerjasama semua agensi pada peringkat Persekutuan dan negeri.

Anwar yang juga Presiden PKR berkata, MPN PKR Sabah mengutarkan kepentingan memusatkan usaha menotahkan kemiskinan tegar di negeri itu, selain turut menyatakan cadangan untuk mendepani perkara berkenaan.

Yang turut dibincangkan adalah kepentingan mengukuhkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan negeri bagi mengatasi isu kewarganegaraan di Sabah, terutama membabitkan penduduk yang masih tidak mempunyai dokumen pengena-

lan diri yang sah.

"Tentunya (mengatasi isu kewarganegaraan) mengikut syarat sudah ditentukan negara kita. Saya terharu apabila nampak fokus itu ada (untuk mengatasi) masalah kemiskinan dan tidak ada kartu (dokumen) yang sah," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengambil kesempatan memberi penghormatan terakhir kepada Pengasas Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBR), mendiangi Tan Sri Joseph Kurup di Wisma Fook Lu Siew.

Anwar tiba sekitar jam 2:30 petang dengan diiringi Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan disambut anak mendiangi, iaitu Datuk Arthur Joseph Kurup yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Kompaun RM1.4 juta kesalahan merokok dikeluarkan bulan lalu

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan 5,549 kompaun dengan nilai tawaran berjumlah RM1.4 juta bulan lalu, susulan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata jumlah kompaun itu hasil aktiviti penguatkuasaan kementerian terhadap 18,178 premis yang dilawati sepanjang Mac lalu dengan sejumlah 8,926 notis kesalahan dikeluarkan.

"Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Se-rangga Pembawa Penyakit (APS-PP) 1975 bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi, sebanyak 3,816 tawaran kompaun bernilai RM1.91 juta dikeluarkan dengan purata RM500 setiap kompaun," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Dr Muhammad Radzi berkata, 642 kes sudah didaftar untuk tin-dakan mahkamah dan 95 kes disabitkan kesalahan di mahkamah membaikkan jumlah denda RM180,600.



KKM mengeluarkan 5,549 kompaun kesalahan merokok dengan nilai tawaran berjumlah RM1.4 juta pada bulan lalu.
(Foto hiasan)

Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Makanan 1983 pula, beliau berkata, 33,473 premis makanan sudah diperiksa.

"Jumlah premis makanan yang diberi perintah penutupan se-

mentara bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 ialah 124 iaitu 0.37 peratus daripada keseluruhan premis makanan diperiksa," katanya.

Beliau berkata, tindakan penu-

tutan sementara premis makanan yang dikuatkuasakan oleh KKM adalah sebagai langkah menjamin kebersihan premis serta makanan dihidangkan.

BERNAMA

Letusan Gunung Ruang

Belum ada keperluan rakyat Sabah gunakan pelitup muka

Kota Kinabalu: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) berpandangan belum ada keperluan bagi rakyat Sabah memakai pelitup muka buat masa ini susulan kejadian letusan Gunung Ruang di Sulawesi, Indonesia.

Pengarah JKNS, Datuk Dr Asits Sanna, berkata penilaian risiko berhubung perkara itu sudah dilakukan dan penduduk setempat dinasihat segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan dan hospital berdekatan jika mengalami tanda atau gejala pernafasan.

"Jabatan ini juga memantau penyakit berkaitan jerebu seperti jangkitan salurun pernafasan atas, asma dan konjunktivitis (jangkitan mata) di beberapa klinik kesihatan dan hospital sentral di Sabah."

"Orang ramai dinasihat untuk memantau laporan status kualiti udara yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar di pautan <https://apiams.doe.gov.my/home.html> dan mengambil tindakan kesihatan berpaduan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kawasan masing-masing."

"JKNS sentiasa memantau persekitaran akibat kejadian letusan gunung berapi ini dan penyakit akibat pencemaran udara."

"Sebarang perubahan status pencemaran udara akan dimaklumkan dari masa ke semasa," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, Gunung Ruang dilapor meletus enam kali dengan asap letusan kelabu hingga hitam dengan ketinggian sekitar 3,000 meter (9,843 kaki) diperhatikan di atas puncak, diikuti deruan dan gempa bumi.

"Beberapa lokasi di kepulauan berdekatan mengalami hujan abu gunung berapi."

"Letusan gunung berapi boleh membebaskan zarah berbahaya seperti abu serta gas karbon dioksida (CO₂) dan sulfur dioksida (SO₂)."

"Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia menyatakan, letusan yang dicerap adalah sehingga 16,764 meter (55,000 kaki) di udara."

"Bagaimanapun, pemantauan IPU tidak menunjukkan kualiti udara di permukaan bumi terjejas," katanya.

Asits Sanna



AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEGARA

9,365 kompaun berjumlah RM3.3 juta berhubung kesihatan awam

PUTRAJAYA — Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan sebanyak 9,365 kompaun bernilai kira-kira RM3.3 juta berkaitan kesalahan melibatkan undang-undang kesihatan awam sepanjang Mac lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 3,816 tawaran kompaun bernilai RM1,908,000 dikeluarkan berhubung Akta Permusuhan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit demam denghi.

Katanya, sejumlah 642 kes didaftar untuk tindakan mahkamah dan pada masa sama

sebanyak 95 kes disabitkan kesalahan di mahkamah dengan jumlah denda RM180,600.

Bagi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 pula bellau berkata, daripada 18,178 premis dilawati, sejumlah 8,926 notis kesalahan dikeluarkan.

"Sebanyak 5,549 kompaun di-

tawarkan dengan nilai tawaran berjumlah RM1,384,600," katanya dalam kenyataan semalam.

Muhammad Radzi berkata, melalui tindakan penguatkuasaan Akta Makanan 1983, sebanyak 33,473 premis makanan diperiksa.

Katanya, sebanyak 124 premis makanan diberi perintah penutu-

pan sementara di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 iaitu 0.37 peratus daripada keseluruhan premis makanan yang diperiksa.

"Tindakan penutupan sementara premis makanan yang dikuatkuasakan KKM adalah sebagai suatu langkah menjamin kebersihan premis serta makanan yang dihidangkan," katanya.

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Langkawi perlukan hospital pakar

LANGKAWI – Pemain industri pelancongan di sini berpendapat sudah tiba masanya hospital pakar swasta dibina di pulau peranginan ini bagi menampung keperluan pelancong asing.

Pengerusi Kelab Komuniti Pelancongan Langkawi (KKPL), Hazani Hussin berkata, pembinaan hospital swasta dapat mengurangkan waktu menunggu sedia ada kepada pelancong.

"Kita tidak mahulah pelancong yang memerlukan rawatan untuk menunggu seperti mana penduduk perlu menunggu sehingga berbulan lamanya untuk rawatan bukan kecemasan, kerana pelancong ini tinggal di Langkawi sekitar dua minggu sahaja.

"Selain itu, pembukaan hospital swasta di sini juga boleh membuka peluang kepada pelancongan perubatan atau *medical tourism*," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, Langkawi juga mempunyai tanah yang sesuai untuk dibangunkan menjadi hospital swasta, seperti di kawasan Teluk Yu yang berhampiran pantai, selain Pulau Intan Besar yang dekat dengan kehi-jauan.

Tambahnya, insiden Raja Norway yang dirawat di Hospital Sultanah Maliha (HSM) baru-baru ini boleh dijadikan permulaan kepada pembinaan pusat per-



PENDUDUK Langkawi bergantung kepada Hospital Sultanah Maliha untuk rawatan. – GAMBAR HIASAN

batan swasta di sini.

Dalam pada itu, Presiden Per-tubuhan Industri Pelancongan Langkawi, Ahmad Pishol Ishak, turut menyatakan pembinaan hospital swasta sudah dimasukkan dalam beberapa pelan tindakan sejak Langkawi bertukar status kepada bebas cukai pada 1987 lagi.

Namun begitu, ujarnya, tiada pelaksanaan bagi pembangunan tersebut sedangkan pelbagai genre pelancongan lain seperti pelancongan sukan dan ekopelancongan sudah bertapak di Langkawi.

"Benda-benda seperti ini (hos-pital swasta) sepatutnya sudah ada sejak lama dahulu. Kita telah menjadi pulau bebas cukai lebih

30 tahun, di mana status tersebut telah membawa ramai pelancong masuk ke sini.

"Sepatutnya industri pelancongan sudah matang, dan perkara asas seperti ini perlu ada. Kerajaan dan pihak LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi) perlu melihat semula kepada perkara ini dan memberikan ban-tuan sewajarnya," ujarnya.

Jelasnya, ada agensi pelancongan dari luar negara yang me-merlukan hospital pakar sebagai salah satu kriteria diminta pelan-cong.

Ujarnya, pertambahan in-frastruktur akan membawa lebih ramai pelancong dan membolehkan lebih banyak penerbangan terus masuk ke Langkawi.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI



JUHAR Mahiruddin (tengah) bersama Anwar Ibrahim, Fadillah Yusof (kanan) Ahmad Zahid Hamidi (dua kanan) dan Hajiji Noor (kiri) semasa hadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Madani di Kota Kinabalu semalam.

RM80 juta tubuh Pusat Jantung Negara Sabah

Oleh SURAIDAH ROSLAN
 utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Hospital Queen Elizabeth 2 (HQE2), di sini akan dijenamakan semula sebagai Pusat Jantung Negara Sabah bagi memenuhi keperluan rawatan jantung di negeri ini.

Mengumumkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan memperuntukkan RM80 juta untuk menaik taraf HQE2 menjadi hospital pakar jantung, menjadikan Sabah memiliki kemudahan rawatan pakar jantung kedua di negara ini.

selepas Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur.

“Saya umum supaya kemudahan khas atau lot khas untuk jantung negara yang disebut Pusat Jantung Negara Sabah disediakan di Sabah.

“Dengan ini kita akan tambah seramai tiga orang pakar dan 120 orang tenaga sokongan terlatih membabitkan peruntuhan sebanyak RM 80 juta,” katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Kebangsaan, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) semalam.

Anwar berkata, penubuhan pusat tersebut dilakukan sete-

lah mengambil kira masalah kesihatan rakyat di Sabah yang terpaksa menaiki penerbangan mendapatkan rawatan penyakit jantung di Kuala Lumpur.

Menurut beliau, di Sarawak, atas cadangan Premier Sarawak, kerajaan bersetuju memberi dana awal menubuhkan Institut Kanser Sarawak di Kuching.

Semasa pembentangan Belanjawan 2024, Anwar berkata, kerajaan Persekutuan menyokong hasrat Sarawak untuk membangunkan sebuah institut kanser di negeri berkenaan.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, masalah kemiskinan tegar di Sabah akan cuba di-

noktahkan seboleh-bolehnya tahun ini.

Beliau berkata, meskipun masalah kemiskinan di Sabah agak parah, beliau yakin ia dapat diselesaikan menerusi kerjasama semua agensi persekuatan dan negeri.

Majlis sambutan Aidilfitri Madani itu turut dihadiri Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin bersama isteri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni; Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor dan isteri, Datuk Seri Juliah Salag dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

4 | NASIONAL

21 APRIL 2024 | SINAR AHAD

RM80 juta tubuh pusat jantung di Sabah

Sekali gus menjadikan ia pusat rawatan jantung kedua terbesar negara selepas IJN di Kuala Lumpur

Oleh ASYIKIN ASMIN
KOTA KINABALU

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan sebanyak RM80 juta untuk memulakan projek Pusat Jantung Negara Sabah di Hospital Queen Elizabeth II (HQEI), sekali gus menjadikan ia pusat rawatan jantung kedua terbesar negara selepas Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, penubuhan pusat itu berikutan kapasiti perkhidmatan kardiologi di negeri ini terbatas sehingga ramai yang terpaksa ke Kuala Lumpur bagi mendapatkan rawatan.

"Jadi kita nak cari penyelesaian se-



Anwar bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor beramah mesra dengan orang ramai pada Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Kebangsaan di Kota Kinabalu pada Sabtu.

gera. Di Sarawak atas cadangan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, kita setuju dengan dana awal beri kerajaan Sarawak menubuhkan Pusat Kanser Negara Kuching.

"Bagaimana pula Sabah? Pada masa

ini perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasiik dewasa dan kanak-kanak disediakan di HQEI Kota Kinabalu dan antara fasilitinya adalah sebanyak 107 katil pesakit, klinik pakar, makmal kateterisasi invasif dan bukan invasif dan dewan be-

dah kardiotorasiik.

"Tetapi saya tidak fikir ini mencukupi untuk keperluan rakyat Sabah. Maka dengan ini, saya umumkan bertempat di Kompleks Hospital Besar Kota Kinabalu, kemudahan iaitu blok khas urtuk jantung negara yang disebut sebagai Pusat Jantung Negara Sabah," katanya.

Beliau membuat pengumuman itu ketika berucap pada sambutan Aidilfitri Madani di sini pada Sabtu.

Selaras dengan itu, Anwar berkata, HQEI akan dinaik taraf kepada Pusat Jantung Negara Sabah dan kerja awalan bagi projek tersebut akan dimulakan tahun ini juga.

"Dengan ini kita akan tambah segera tiga orang pakar, 120 jururawat terlatih dan peruntukan segera sebanyak RM80 juta untuk memulakan projek ini," katanya.

Perdana Menteri turut menasihati orang ramai supaya menjaga kesihatan dengan makan secara bersederhana, mengurangkan makanan bergula dan berlemak serta melebihkan aktiviti senaman bagi mengelakkan mereka daripada pergi ke pusat jantung untuk mendapatkan rawatan.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NASIONAL

Maklum status kesihatan sebelum sertai aktiviti

Untuk elak maklumat kesihatan tidak diketahui sekolah

Oleh NORAFIDAH ASSAN
SEREMBAN

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) memohon semua murid yang terlibat dalam aktiviti dalam dan luar bilik darjah perlu menjelaskan status kesihatan masing-masing.

Pengaruhnya, Datuk Dr Roslan Hussin berkata, ia khususnya yang melibatkan aktiviti fizikal kepada guru bertugas sebelum disertai.

"Semua prosedur telah kita laksanakan termasuk memastikan semua peralatan dan cuaca diambil kira oleh pengajar dan guru besar sekolah

sebelum sesuatu aktiviti dilaksanakan, termasuklah semua peralatan dan keadaan cuaca diambil kira. "Di samping itu, ibu bapa dan penjaga murid dipohn memaklumkan kepada pihak sekolah mengenai status kesihatan anak mereka bagi mengelakkan maklumat berkaitan tidak diketahui oleh pihak sekolah," katanya kepada pemberita, di sini, pada Sabtu.

Beliau berkata demikian bagi mengulas insiden seorang pelajar Tingkatan Dua Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang merupakan pesakit jantung berlubang disahkan meninggal dunia selepas rebah ketika menyertai kejohanan merentas desa pada Jumaat.

Dalam kejadian kira-kira jam 9.30 pagi itu, Nuqman Naufal Shamsul Fadzli, 14, menyertai acara tersebut sebelum rebah semasa menghampiri garis penamat sekitar 50 meter.

Dalam pada itu, Roslan berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan berhubung insiden tersebut termasuk sama ada status kesihatan murid atau pelajar yang terlibat dimaklumkan kepada guru bertugas.

"Siasatan masih dijalankan selain dapatan awal kematian berpunca daripada kesihatan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Pilah, Deputy Superintendent Syahru Anuar Abdul Wahab berkata, kes itu disiasat se-

“

Siasatan masih dijalankan selain dapatan awal kematian berpunca daripada kesihatan,”

- Roslan Hussin

bagai mati mengejut.

"Pelajar berkeahaan mempunyai Kad Rawatan bagi penyakitnya itu dari Institut Jantung Negara (IJN) dan sentiasa dioekalkan dengan ubat-ubatan dari IJN pada setiap masa," katanya.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menzahirkan rasa dukacita dan mengucapkan takziah kepada keluarga pelajar yang meninggal dunia ketika menyertai kejohanan merentas desa di sekolahnya pada Jumaat.

KPM dalam satu kenyataan ber kata, pihaknya menyeru semua pihak untuk menghormati privasi keluarga Allahyarham Nuqman Naufal.

"Dalam masa sama KPM telah mengambil tindakan segera dengan memberi bantuan-kebajikan kepada pihak keluarga.

"Semua institusi pendidikan bawah KPM diminta sentiasa mematuhi garis panduan penganjuran aktiviti luar bilik darjah," jelasnya.

KPM turut menyatakan komited untuk memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan murid sentiasa diberi perhatian.

Cakna kesihatan pelajar sebelum lakukan aktiviti luar

MUAR - Ibu bapa dan guru perlu cakna tentang kesihatan anak-anak dan pelajar sebelum mereka menjalankan aktiviti luar bilik darjah termasuk acara larian merentas desa ketika musim panas ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, perkara itu penting bagi mengelakkan anak-anak atau pelajar terdedah kepada sebarang risiko berbahaya khususnya ketika terlibat dalam aktiviti luar kelas.

"Ini adalah satu peringatan tegas, jangan didehdahkan anak-anak kepada risiko di luar kemampuan mereka.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa konsisten mengeluarkan nasihat supaya mengelakkan anak-anak terdedah kepada risiko hidrasi.

"Ibu bapa perlu jujur (maklumkan kesihatan anak) dan pihak sekolah tidak memaksakan anak-anak terdedah kepada situasi itu atas faktor risiko," katanya kepada pemberita selepas Sambutan Aidilfitri Parti Amanah Negara (Amanah) Johor di Kampung Parit Keroma, di sini pada Sabtu.

Turut hadir, Pengurus Amanah Johor Aminohuda Hassan.

Menurutnya, perkara berkenaan adalah sangat mustahak dan semua pihak perlu ambil perhatian.

Ditanya sama ada pihak sekolah perlu mempunyai maklumat berkaitan status kesihatan pelajar, beliau berkata KKM akan memperhalusi perkara berkenaan. - Bernama



Dr Dzulkefly (kanan) menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak ketika menghadiri Sambutan Aidilfitri Amanah Johor di Parit Keroma, Muar pada Sabtu.

Pelajar meninggal dunia ketika merentas desa

Reaksi Rendah (P) Saya merasa rendah kerana pelajar yang meninggal dunia ini adalah anak-anak yang suka bermain dan berlari. Saya tidak mahu mereka terkena hal yang sama.

Saya merasa sedih kerana pelajar yang meninggal dunia ini adalah anak-anak yang suka bermain dan berlari. Saya tidak mahu mereka terkena hal yang sama.

Laporan Sinar Harian pada Sabtu.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : NASIONAL

KKM kutip RM1.4 juta kompaun kesalahan merokok sepanjang Mac lalu

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan 5,549 kompaun dengan nilai tawaran berjumlah RM1.4 juta susulan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, jumlah kompaun itu merupakan hasil aktiviti penguatkuasaan kementerian ke atas 18,178 premis dilawati sepanjang Mac lalu dengan 8,926 notis kesalahan dikeluarkan.

"Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975 bagi tujuan penegahan dan kawalan penyakit demam denghi, sebanyak 3,816 tawaran kompaun bernilai RM1.91 juta dikeluarkan dengan purata RM500 setiap kompaun," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Menurut Dr Muhammad Radzi, sebanyak 642 kes didaftar untuk tindakan mahkamah dan 95 kes disabitkan kesalahan dengan jumlah denda RM180,600.

Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Makanan 1983 pula, Dr Muhammad Radzi berkata, sebanyak 33,473 premis makanan diperiksa.

"Sebanyak 124 premis makanan diberi perintah penutupan sementara di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 iaitu 0.37 peratus," katanya.

Jelas beliau, tindakan penutupan sementara premis makanan dikuatkuasakan KKM adalah langkah menjamin kebersihan premis dan makanan dihidangkan. - Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION / NEWS

HEALTHCARE

QUEEN ELIZABETH II HOSPITAL TO BECOME CARDIOLOGY CENTRE

It will be renamed and get an allocation of RM80m, says PM

OLIVIA MIWIL
KOTA KINABALU
news@nst.com.my

THE Queen Elizabeth II Hospital here will become a cardiology centre, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim. It will be renamed the Sabah Cardiology Centre and will receive a RM80 million allocation.

"The healthcare capacity in Sabah is quite limited. Many have to fly to Kuala Lumpur (for advanced treatment).

"In Sarawak, at the suggestion of Premier Tan Sri Abang Johari Openg, we agreed to build a cancer centre in Kuching.



Queen Elizabeth II Hospital currently has 107 beds and a bed occupancy rate of 75 per cent. FILE PIC

"For Sabah, the cardiology services at the hospital will include a heart specialist clinic, a non-invasive catheterisation laboratory and an operation theatre.

"There are three heart special-

ists and 120 nurses. Three more cardiologists will be added," he said at the National Madani Aidilfitri celebration at the Sabah International Convention Centre here.

According to additional information provided by the Prime Minister's Department, Queen Elizabeth II Hospital currently has 107 beds and a bed occupancy rate of 75 per cent.

Earlier, Anwar received a warm welcome from the public at the Madani Aidilfitri event.

About 20,000 people thronged the venue for the national-level celebration.

People took the opportunity to shake hands and take selfies with Anwar.

He spent 30 minutes on the meet-and-greet session.

Present were Deputy Prime Ministers Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi and Datuk Seri Fadillah Yusof, Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin and Toh Puan Norlidah RM Jasni, Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor, as well as state and federal ministers.

The entourage arrived at the venue after a meeting at Menara Kinabalu.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

Dedicated cardiology centre soon

Sabahans to benefit from immediate RM80mil fund

By STEPHANIE LEE
and SANDRA SOKIAL
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Sabah is set to have its own cardiology centre soon, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He announced the establishment of the Sabah Cardiology Centre, a dedicated block for cardiology cases, at the Queen Elizabeth II main hospital here.

He said three cardiologists or heart specialists will be transferred here while an immediate allocation of RM80mil has been approved to start this project.

Anwar said this during the Madani Hari Raya open house at the Sabah International Convention Centre here yesterday.

In his speech, he said that the healthcare system in Sabah is quite limited and many have to fly to Peninsular Malaysia for various forms of treatment.

Among the works to be done for this new block would include upgrading existing infrastructure



Celebrating diversity:
Anwar (centre) and Tun Juhar (left) attending the national-level hari Raya Open House. — Bernama

such as the emergency unit, ward, daycares, loose equipment and associated works.

The current cardiology and cardiothoracic department provides 107 beds for patients, a specialist clinic, an invasive and non-invasive catheterisation laboratory (ICL) and a cardiothoracic operation theatre.

There are a total of 120 trained

nurses and the bed occupancy rate has reached 75% to date.

Earlier, Anwar said that the unity government will continue to focus on eradicating poverty and fulfilling the developmental needs of the people.

He said the good relations between the state and federal government benefit both parties, especially in terms

of developments.

Prior to that, Sabah Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor said Sabah is proud to be among the hosts for the national-level Hari Raya celebrations, as it is an acknowledgement of the harmony and unity among the multi-cultural people of Sabah.

He said people in Sabah live peacefully and harmoniously in

its diversity.

"Harmony among race and religion is important. If we keep this up, we can continue to prosper and develop well," he said.

Also present were Yang di-Pertua Negeri Tun Juhar Matiruddin, his wife Tuan Puan Norlidah R.M. Jasni and other dignitaries.

About 20,000 people attended the Hari Raya Open House.

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

RM1.4mil in compounds for smoking

PUTRAJAYA: A total of 5,549 compounds worth RM1.4mil have been issued by the Health Ministry (MOH) for smoking offences in March, says its director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

He said MOH conducted enforcement visits to 18,178 premises under the Control of Tobacco Product Regulations 2004, resulting in a total of 8,926 notices issued.

"Through the enforcement of the Destruction of Disease-Bearing Insects Act 1975 to prevent and control dengue, 3,816 compounds worth RM1.91 million were issued, averaging RM500 per compound," he said in a statement on Saturday, Bernama reported.

He said 642 cases were registered for court action, while 95 cases were convicted in court, with fines totalling RM180,600.

Meanwhile, Dr Muhammad Radzi said that through the enforcement of the Food Act 1983, a total of 33,473 food premises were inspected.

"Some 124 premises, or 0.37% of the total premises inspected, were issued temporary closure notices," he said.